

Headline	FRIM destinasi rehat minda di ibu kota		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	03 Sep 2014	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	318 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,187
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,561



# FRIM destinasi rehat minda di ibu kota

**PERNAHKAN** anda ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong dengan niat semata-mata untuk melancong? Mungkin anda boleh mencubanya.

Kehijauan taman hutan seluas hampir 486 hektar itu pasti meninggalkan kesan mendalam kepada pengunjung pertama kali terutama golongan pekerja yang sering terperangkap dengan kesibukan ibu kota.

Ia mudah dilawati lantaran kedudukannya yang cukup hampir dengan ibu kota malah terletak di antara dua laluan utama Kuala Lumpur utara iaitu Jalan Ipoh dan laluan Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

Kawasan bekas lombong itu, berubah menjadi pusat penyelidikan perhutanan sejak tahun 1929 dan kini merupakan antara santuari tumbuhan hidup tertua dan terpenting dunia.

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abdul Latif Mohmod berkata FRIM kini memiliki sekitar 15 juta batang pokok daripada 2,500 spesies yang berlainan dan melindungi kira-kira 100 spesies tumbuhan terancam.

Koleksi jutaan batang pokok itu disimpan dalam bentuk pokok hidup atau Arboretum yang menjadi ciri utama membentuk suasana damai FRIM, yang berperanan untuk kajian sains, pemeliharaan sumber genetik serta pameran.

Institut itu mempunyai enam arboreta yang berbeza bergantung kepada kumpulan pokok termasuk Dipterokarp yang ditanam sejak 1939. Arboreta paling awal ialah Non-dipterokarp yang ditanam sejak 1929, manakala arboreta yang lain ialah Koniferatum (1949), arboreta buah-buahan (1979), arboreta Monokot (1981) dan Bambusetum (1994). Sesuai dengan status destinasi pelancongan dan pendidikan alam utama negara, taman hutan dan air terjun FRIM sering menjadi lokasi pilihan aktiviti riadah seperti jogging dan berbasikal malah hari keluarga dan kem

sekolah.

Malahan FRIM juga amat popular sebagai lokasi pilihan sesi fotografi pasangan bakal berkahwin.

Lain-lain kemudahan termasuk muzium dan galeri, pusat pendidikan alam, tapak perkhemahan dengan kemudahan lengkap dan cawangan restoran 'Tu Dia Pak Tam' yang sangat popular di Selayang. Tarikan utama untuk orang awam sudah tentulah enam denai alam dengan cabaran pendakian dan pelbagai pemandangan menarik.

Pada awal 2008, satu laluan unik sepanjang 400 meter bertemakan 'Kekayaan Diversiti Tumbuhan Paras Bawah Malaysia' (Rich diversity of Malaysian under-storey plants) telah dilancarkan di kawasan Taman Botani Kepong FRIM, menariknya laluan yang dinamakan Denai Razak itu adalah satu-satunya denai pendidikan alam mesra OKU di Malaysia.

Koleksi unik itu menempatkan sekitar 9,200 tumbuhan renek dan herba tempatan seperti halia, buluh, orkid dan sebagainya yang dikutip dari habitat asal dan ditanam secara sistematik untuk konservasi ex-situ.

Pelawat pasti terpegun dengan panorama hebat 'The View' yang sering disamakan dengan latar belakang filem grafik 'Avatar' serta fenomena 'Crown Shyness' di titik Wow yang terletak di Denai Keruing yang merentasi hutan ladang paling tua, berusia lebih 80 tahun. Laluan Denai Alam Salleh yang lebih kecil pula menonjolkan sejarah FRIM serta membolehkan pelawat membezakan hutan ladang daripada hutan semula jadi.

Denai Engkabang pula ialah tanah lembab yang diliputi lalang, belukar dan hutan sekunder.

Kawasan ini mempunyai kepelbagaian spesies fauna yang tinggi terutama burung ekoran dikelilingi hutan ladang dan arboreta buah-buahan menjadikannya popular dalam kalangan pemerhati

burung. Jika anda gemar bangun pagi seawal subuh untuk bersenam, Trek Rover yang menawarkan trek larian kira-kira 3.5 kilometer pasti sangat sesuai untuk anda.

Pelari yang bermula dari Masjid Jamek FRIM akan melintasi kawasan air terjun, tapak perkelahan Sungai Kroh, merentasi titian kanopi setinggi 30 meter dan berakhir di tapak perkhemahan Kem Perah.

Denai Sebasah bukan sahaja menonjolkan cara adaptasi unik pelbagai spesies tumbuhan terhadap keadaan basah, malah menampilkan beberapa ekosistem terkaya negara dan popular dengan kehadiran burung migrasi.

Masih ingat lagi Rumah Pak Ali di Kampung Kerdas Gombak? Rumah penghulu yang dibina pada tahun 1876 itu sangat popular ekoran penggunaan gaya 'Gadang' iaitu senibina kayu tanpa penggunaan hatta sebatang paku pun.

Sayangnya, khazanah tidak ternilai itu punah dijilat api pada 20Okt 2003 melibatkan nilai kerugian sekurang-kurangnya RM 1juta termasuk memusnahkan barangan antik berusia ratusan tahun.

Pelawat FRIM masih berpeluang menyaksikan keunikan gaya senibina yang sama. Meskipun tidak sebesar Rumah Pak Ali yang dibina dengan 40 tiang, Rumah Terengganu FRIM dibina sepenuhnya dengan kayu cengal tanpa menggunakan paku.

Kesedaran awam terhadap alam semulajadi menjadikan peranan FRIM sebagai pusat pendidikan alam bagi melahirkan generasi hijau semakin ketara. Lantas, menjadikan FRIM sebagai tumpuan banyak acara dan aktiviti sosial termasuk sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada 11 Jun lalu.

Bertemakan 'Hutan Untuk Anda' sekitar 400 orang menyertai pelbagai aktiviti menarik seperti Larian Eco Fun, pertandingan mewarna, teroka denai berju-rupandu, sesi bercerita dan jualan busket kereta.— Bernama